PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) memutuskan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada 10 Julai 2014 dalam keadaan prospek pertumbuhan yang kukuh dan inflasi dijangka terus melebihi paras purata jangka panjangnya. Pelarasan terhadap tahap akomodasi monetari ini juga bertujuan mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang lebih meluas yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia. Susulan itu, OPR dikekalkan pada mesyuarat MPC pada bulan September. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Kenaikan kadar antara bank pada suku ketiga mencerminkan kenaikan OPR. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) diniagakan lebih tinggi dalam julat antara 3.18% hingga 3.25% dari 11 Julai hingga 30 September. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat.

Kadar bagi swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan 3 bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) juga meningkat antara 1 Julai hingga 18 September, tetapi menjadi sederhana menjelang akhir suku tersebut apabila jangkaan pasaran mengenai kenaikan OPR selanjutnya telah diredakan oleh keputusan MPC untuk mengekalkan OPR pada 3.25% pada bulan September.

Para pendeposit juga mendapat manfaat melalui kadar pulangan yang lebih tinggi bagi simpanan mereka berikutan kenaikan OPR. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan untuk tempoh antara 1 hingga 12 bulan meningkat antara 15 hingga 25 mata asas kepada 3.07% hingga 3.30% pada akhir bulan Julai. Bank turut bersaing untuk mendapatkan

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2013	2014	
	S3	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	2.93	3.00	3.20
1 bulan	3.07	3.54	3.41
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.79
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.40	5.37	5.52
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	2.91	3.07
12 bulan	3.15	3.15	3.30

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

deposit dengan melancarkan kempen deposit yang menawarkan kadar deposit yang lebih tinggi untuk penempatan deposit yang banyak pada tempoh matang terpilih.

Kadar pinjaman runcit juga dinaikkan. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan meningkat 25 mata asas kepada 6.79%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul meningkat lebih tinggi kepada 5.52% pada akhir bulan September. Walau bagaimanapun, kadar pinjaman terus berada di bawah paras sebelum berlaku Krisis Kewangan Global.

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM1.2 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 6.7% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2014: 10.2%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM10.5 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.2% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 5.6%).

Peningkatan M3 pada suku ketiga didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan.

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif tidak berubah pada suku ketiga.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku ketiga

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM302.1 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM281.0 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang 8.9% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2014: 9.1%).

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat lebih rendah sebanyak RM5.3 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM8.0 bilion). Walau bagaimanapun, pinjaman yang diberikan kepada perniagaan meningkat pada suku itu, apabila lebih banyak dana disalurkan kepada sektor *elektrik, gas dan bekalan air; perdagangan borong dan runcit, dan restoran dan hotel;* dan *harta tanah*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 7.8% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2014: 7.2%). Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan terus kukuh, dengan permohonan pinjaman lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya oleh syarikat besar dan PKS. Ini diikuti oleh kelulusan pinjaman lebih tinggi kepada kedua-dua segmen.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM16.4 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM18.6 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 10.7% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2014: 11.5%).

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**16.4**	**23.3**	**21.7**	**19.5**	**10.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	15.7	-5.0	7.0	3.1	6.3
Tuntutan terhadap sektor swasta	23.7	41.6	24.7	28.9	23.8
Pinjaman	*23.9*	*33.2*	*24.9*	*26.3*	*22.0*
Sekuriti	*-0.2*	*8.4*	*-0.2*	*2.6*	*1.9*
Aset asing bersih[1]	-8.8	4.3	-4.7	-6.5	1.3
BNM	*-4.6*	*-4.0*	*-18.0*	*3.1*	*-0.6*
Sistem Perbankan	*-4.2*	*8.3*	*13.3*	*-9.6*	*1.9*
Pengaruh lain	-14.1	-17.5	-5.3	-6.0	-20.8

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S2	S3	S1	S2	S3	S2	S3	S1	S2	S3
Jumlah pembiayaan kasar	**247.4**	**255.9**	**282.2**	**281.0**	**302.1**	**-8.6**	**-5.0**	**16.1**	**13.6**	**18.0**
Pengeluaran pinjaman*	231.5	240.2	258.4	258.1	269.6	-3.1	4.6	17.4	11.5	12.2
PDS kasar[1]	11.1	12.9	19.6	17.7	23.6	-43.5	-59.4	-11.1	59.8	83.0
Ekuiti	4.8	2.8	4.2	5.2	8.8	-60.0	-64.9	320.7	7.2	217.7
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**32.6**	**31.7**	**32.3**	**28.8**	**30.7**	**9.2**	**8.8**	**9.6**	**9.1**	**8.9**
Sistem perbankan	31.2	26.5	22.1	27.8	27.2	9.7	9.3	9.7	9.2	9.0
Pinjaman terkumpul (A)	*32.8*	*27.2*	*21.0*	*25.8*	*25.7*	*9.1*	*9.5*	*10.2*	*9.3*	*9.0*
Pemegangan PDS	*-1.6*	*-0.7*	*1.1*	*1.9*	*1.5*	*18.1*	*6.4*	*3.4*	*7.4*	*10.0*
PDS terkumpul (B)	-0.3	4.5	11.3	3.0	5.1	9.4	6.9	7.7	8.5	8.6
Memorandum										
PDS kasar[2]	11.8	13.4	20.5	18.5	24.9	-42.6	-42.6	-9.1	56.5	85.7

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S2 13	S3 13	S1 14	S2 14	S3 14		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**158.5**	**163.3**	**184.0**	**180.9**	**195.5**	**72.5**	**42.7**
Syarikat besar[1]	*101.9*	*107.2*	*128.4*	*123.8*	*136.5*	*50.6*	*26.0*
*PKS**	*56.6*	*56.2*	*55.6*	*57.0*	*58.9*	*21.9*	*16.6*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.2	7.9	8.7	7.2	7.0	2.6	2.5
Perlombongan dan kuari	2.3	2.2	3.5	3.9	1.8	0.7	0.6
Perkilangan	48.0	47.5	54.4	52.8	51.5	19.1	7.7
Pembinaan	13.9	14.3	16.8	14.5	15.0	5.5	4.2
Harta tanah	10.9	12.3	12.9	11.7	12.7	4.7	6.0
Bekalan elektrik, gas dan air	3.5	2.1	2.6	2.1	7.2	2.7	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	43.9	43.7	53.7	52.8	54.9	20.3	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	3.8	4.3	5.7	7.4	6.7	2.5	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	17.1	22.5	18.9	21.2	27.0	10.0	6.5
Isi rumah	**73.0**	**76.9**	**74.4**	**77.3**	**74.2**	**27.5**	**57.3**
Pembelian harta kediaman	18.4	18.8	19.7	20.0	20.0	7.4	27.4
Kredit penggunaan	41.5	45.1	40.3	42.1	41.4	15.4	18.0
Antaranya:							
Kad kredit	*23.3*	*25.4*	*24.2*	*24.5*	*24.3*	*9.0*	*2.6*
Pembelian kereta penumpang	*10.1*	*11.2*	*9.0*	*9.6*	*9.4*	*3.5*	*10.8*
Lain-lain	13.1	13.0	14.4	15.2	12.8	4.7	11.9
Jumlah	**231.5**	**240.2**	**258.4**	**258.1**	**269.6**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu
1 Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S2	S3	S1	S2	S3	S2	S3	S1	S2	S3
Jumlah										
Permohonan pinjaman	208.7	214.2	185.7	207.2	219.1	-5.8	18.0	-0.8	-0.7	2.3
Kelulusan pinjaman	103.9	103.2	91.2	98.1	105.7	-6.8	9.4	4.3	-5.6	2.5
Pengeluaran pinjaman	231.5	240.2	258.4	258.1	269.6	-3.1	4.6	17.4	11.5	12.2
Bayaran balik pinjaman	207.6	217.9	245.9	239.7	252.3	1.1	-0.4	18.4	15.5	15.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	32.8	27.2	21.0	25.8	25.7	9.1	9.5	10.2	9.3	9.0
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[1,2]										
Permohonan pinjaman	91.6	93.6	86.3	91.2	108.3	-20.5	15.0	1.9	-0.4	15.7
Kelulusan pinjaman	42.9	40.4	34.8	35.1	44.0	-25.9	-2.5	0.9	-18.1	8.8
Pengeluaran pinjaman	158.5	163.3	184.0	180.9	195.5	-9.4	2.0	23.3	14.1	19.7
Bayaran balik pinjaman	144.9	153.3	179.5	175.8	187.8	-2.8	-3.0	24.4	21.3	22.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.7	2.5	11.0	8.0	5.3	8.1	6.7	8.8	7.2	7.8
PKS[1]										
Permohonan pinjaman	48.9	52.4	43.4	46.6	47.5	10.2	39.3	-0.5	-4.8	-9.3
Kelulusan pinjaman	19.3	18.1	15.1	16.2	19.2	-27.0	-1.5	-5.3	-15.8	5.8
Pengeluaran pinjaman	56.6	56.2	55.6	57.0	58.9	-0.8	2.8	0.2	0.7	4.9
Bayaran balik pinjaman	51.4	53.6	52.7	53.9	58.4	12.8	6.7	2.1	4.7	9.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.8	2.6	7.1	5.4	5.4	13.1	11.0	13.0	11.2	12.6
Syarikat besar[2]										
Permohonan pinjaman	42.7	41.2	42.8	44.6	60.8	-39.7	-5.9	4.5	4.6	47.5
Kelulusan pinjaman	23.6	22.3	19.8	18.9	24.8	-24.9	-3.2	6.3	-20.0	11.3
Pengeluaran pinjaman	101.9	107.2	128.4	123.8	136.5	-13.6	1.5	37.0	21.6	27.4
Bayaran balik pinjaman	93.5	99.8	126.8	122.0	129.4	-9.7	-7.6	36.9	30.5	29.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.9	-0.1	3.9	2.5	-0.1	4.6	3.5	5.7	4.2	4.2
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	117.1	120.6	99.4	116.0	110.8	10.1	20.4	-3.1	-0.9	-8.1
Kelulusan pinjaman	61.0	62.8	56.3	63.0	61.8	13.8	18.7	6.5	3.2	-1.6
Pengeluaran pinjaman	73.0	76.9	74.4	77.3	74.2	14.1	10.8	5.1	5.8	-3.6
Bayaran balik pinjaman	62.7	64.6	66.3	63.9	64.5	11.6	6.6	4.7	1.9	-0.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	17.2	19.6	15.9	18.6	16.4	11.7	11.8	11.6	11.5	10.7

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali perubahan pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana bersih lebih rendah diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih rendah sedikit pada RM17.1 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM17.2 bilion). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh dana bersih lebih rendah yang diperoleh sektor awam.

Dana kasar yang diperoleh sektor awam pada suku itu menurun sedikit kepada RM22 bilion (S2 2014: RM24.6 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security, MGS), 3 tahun, 5 tahun, 7 tahun dan 30 tahun, serta pembukaan semula Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun. Dana turut diperoleh melalui terbitan

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**11.4**	**14.3**	**24.0**	**8.5**	**2.1**
Sekuriti Kerajaan, bersih	8.7	14.3	20.0	5.9	0.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	13.9	11.4	14.5	11.9	12.3
Terbitan Pelaburan Kerajaan	10.0	9.0	9.0	10.0	8.2
Tolak: Penebusan	*15.2*	*6.1*	*3.5*	*16.0*	*19.9*
Bon Simpanan, bersih	-	-	-	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	2.7	-	4.0	2.6	1.5
Oleh Sektor Swasta	**6.4**	**19.5**	**15.4**	**8.7**	**15.0**
Saham	2.8	7.4	4.2	5.2	8.8
Sekuriti hutang, *bersih*	3.6	12.0	11.2	3.5	6.2
Sekuriti Hutang Swasta	*13.4*	*36.0*	*20.5*	*18.5*	*24.9*
Tolak: Penebusan	*9.7*	*24.0*	*9.4*	*15.0*	*18.7*
Jumlah	**17.8**	**33.7**	**39.4**	**17.2**	**17.1**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



¹ Termasuk terbitan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am, dan terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sukuk Perumahan Kerajaan sebanyak RM1.5 bilion. Pada suku ketiga, penebusan sekuriti kerajaan juga lebih tinggi pada RM19.9 bilion (S2 2014: RM16 bilion). Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh sektor awam lebih rendah pada RM2.1 bilion (S2 2014: RM8.5 bilion).

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) baharu adalah lebih tinggi pada RM24.9 bilion (S2 2014: RM18.5 bilion). Dana yang diperoleh didorong terutamanya oleh terbitan dalam sektor *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan*, bertujuan untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat. Yang ketara, terbitan renminbi China terbesar sebanyak RMB1.5 bilion oleh penerbit Malaysia telah dilaksanakan pada suku ketiga, yang juga merupakan terbitan bon renminbi terbesar di Asia Tenggara. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti pada suku itu berjumlah RM8.8 bilion (S2 2014: RM5.2 bilion). Jumlah dana lebih tinggi yang diperoleh pada suku itu didorong terutamanya oleh dua terbitan hak yang besar oleh syarikat dalam sektor *kewangan* dan *perdagangan dan perkhidmatan*. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta meningkat kepada RM15.0 bilion (S2 2014: RM8.7 bilion).

Kadar hasil bon menurun pada suku ketiga

Pada suku ketiga, kadar hasil MGS secara amnya menurun berikutan minat pelabur yang berterusan, terutamanya untuk MGS tempoh sederhana dan panjang. Walau bagaimanapun, kadar hasil bon meningkat buat sementara waktu pada pertengahan bulan Ogos disebabkan oleh jangkaan pasaran bahawa OPR akan dinaikkan sekali lagi susulan pengumuman data KDNK S2 2014 yang lebih baik daripada jangkaan. Bagi suku ketiga secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sebanyak 5, 8, 12 mata asas.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bon koporat meningkat sedikit. Kadar hasil bon korporat berpenarafan AAA, AA, dan A 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 0.4, 0.2 dan 3 mata asas berbanding dengan suku kedua.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih tinggi

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM160 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM152 bilion). Peningkatan urus niaga ini tertumpu terutamanya pada dagangan GII dan PDS yang masing-masing mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi pada 0.26 dan 0.07. Walau bagaimanapun, segmen MGS mencatat nisbah mudah tunai lebih rendah pada 0.25.

FBM KLCI menurun pada suku ketiga

Pada suku ketiga, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun sebanyak 36.4 mata untuk ditutup pada 1,846.3 mata (akhir bulan Jun 2014: 1,882.7 mata). Selepas mencapai paras tertinggi sebanyak 1,892.7 mata pada 8 Julai, indeks menurun pada suku itu. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan pelaburan oleh bukan pemastautin berikutan jangkaan bahawa kadar dasar di AS akan dinaikkan lebih cepat daripada jangkaan dan ketidakpastian geopolitik di Timur Tengah dan Eropah Timur.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat sedikit kepada RM1.774 trilion pada akhir bulan September 2014 (akhir bulan Jun 2014: RM1.770 trilion) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 2.77 bilion unit (S2 14: 1.88 bilion unit) pada suku tersebut.

Pada 12 November 2014, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,816.2 mata (sejak akhir bulan September 2014: -1.6%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.742 trilion (sejak akhir bulan September 2014: -1.8%).

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2014 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2013		2014		
	Pada akhir				
	Sep	Dis	Mac	Jun	Sep
Indeks harga					
Komposit	1,768.6	1,867.0	1,849.2	1,882.7	1,846.3
FBMEMAS[1]	12,289.7	12,853.6	12,797.6	13,049.8	12,924.7
Pasaran ACE[2]	5,537.2	5,675.8	6,661.3	6,668.8	7,278.9
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,611.2	1,702.2	1,719.1	1,770.4	1,774.1
Bilangan syarikat yang disenaraikan	910	911	907	906	906
	Pada tempoh				
	S3	S4	S1	S2	S3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,739.8	1,704.7	2,046.4	1,876.3	2,773.9
Nilai (RM juta)	2,083.1	2,330.2	2,158.8	2,192.4	2,300.3

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2013				2014					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	109.4	131.2	107.4	146.8	120.7	127.4	118.2	138.1	169.2	140.3
Antaranya:										
Papan Utama	85.0	126.4	80.0	140.7	91.3	119.7	91.4	131.8	128.9	132.3
Antaranya										
Produk Pengguna	6.1	5.4	7.3	5.5	8.4	7.1	6.2	6.0	9.7	7.9
Produk Industri	13.6	10.3	9.6	9.7	18.9	13.1	16.2	12.5	23.6	15.4
Pembinaan	4.9	7.2	2.8	4.6	4.0	5.9	5.1	7.1	6.5	7.7
Dagangan/Khidmat	31.5	50.8	34.6	81.0	33.9	51.9	36.4	54.8	59.6	55.6
Kewangan	4.3	28.4	4.0	18.2	3.4	18.8	3.9	27.0	3.5	20.4
Harta Benda	8.6	9.4	8.8	6.7	10.5	7.8	11.9	9.7	12.6	10.7
Perladangan	1.4	4.4	1.7	5.6	1.7	5.4	1.5	5.5	1.9	5.3
Infrastruktur	1.7	4.9	1.9	5.0	1.5	4.7	1.5	4.4	1.1	3.7
Pasaran ACE[1]	21.2	4.4	24.4	5.5	26.8	7.0	22.9	5.5	35.5	7.2

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Pergerakan ringgit didorong oleh faktor luaran dan dalaman

Ringgit pada amnya menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau pada awal suku ketiga. Kekukuhan ringgit dalam tempoh ini didorong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi untuk bon Malaysia berikutan pengumuman data ekonomi dalam negeri yang kukuh. Walau bagaimanapun, ringgit telah menyusut nilai menjelang akhir suku itu, disebabkan oleh perkembangan luaran, sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau lain. Jangkaan bahawa kenaikan kadar dasar yang lebih cepat berbanding dengan jangkaan awal oleh Federal Reserve menyebabkan peralihan kepada aset kewangan Amerika Syarikat (AS) dan aliran keluar dana daripada pasaran kewangan serantau, terutamanya pasaran ekuiti.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan dolar AS tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (5.9%), dolar Australia (5.6%), euro (5.5%) dan paun sterling (2.8%). Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratusan Perubahan (1 Julai - 30 September 2014)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Antara 1 Oktober hingga 12 November, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.1%. Ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (3.7%) dan paun sterling (0.1%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (0.3%) dan dolar Australia (1.3%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (2.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang lain antara 0.5% hingga 2.4%.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat dengan sederhana pada suku ketiga

Jumlah swap pertukaran asing, niaga hadapan dan opsyen adalah lebih tinggi pada USD312.7 bilion pada suku ketiga, iaitu peningkatan sebanyak 6.4% berbanding dengan suku sebelumnya. Peningkatan ini sebahagiannya didorong oleh aktiviti perlindungan nilai oleh pengeksport tempatan, yang mengurus dedahan mata wang asing mereka secara proaktif menerusi jualan hadapan dolar AS, untuk mengambil manfaat daripada penambahan nilai dolar AS berbanding dengan kebanyakan mata wang lain, terutamanya menjelang akhir suku tersebut. Swap dolar AS terhadap aktiviti mata wang ketiga (kecuali ringgit) juga bertambah, apabila bank secara aktif mengurus pemegangan mereka dalam mata wang yang mempunyai kadar hasil yang lebih tinggi seperti renminbi China luar pesisir dan dolar Australia, untuk menambah pulangan. Selain itu, terdapat juga pembiayaan aktiviti melalui penggunaan mata wang yang secara relatif lebih rendah dari segi kos seperti yen Jepun dan euro.

Swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun, yang mencerminkan kos peminjaman dolar AS menerusi pasaran swap mata wang bersilang, kekal rendah sepanjang bulan Julai dan Ogos, dan didagangkan sekitar 68 hingga 70 mata asas. Swap ini kemudiannya meningkat kepada kira-kira 90 mata asas menjelang akhir bulan September disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap dolar AS semasa tempoh aliran portfolio yang tidak menentu, dicetuskan oleh peningkatan jangkaan bahawa kenaikan kadar faedah di AS yang lebih cepat berbanding dengan jangkaan sebelumnya.

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 13	S2 14	S3 14	21 Jul 05	S3 13	S2 14
Dolar AS	3.8000	3.2575	3.2105	3.2715	16.2	-0.4	-1.9
Euro	4.6212	4.3988	4.3806	4.1527	11.3	5.9	5.5
Paun sterling	6.6270	5.2666	5.4672	5.3193	24.6	-1.0	2.8
Dolar Australia	2.8823	3.0332	3.0235	2.8632	0.7	5.9	5.6
100 yen Jepun	3.3745	3.3255	3.1690	2.9922	12.8	11.1	5.9
Dolar Singapura	2.2570	2.5912	2.5703	2.5702	-12.2	0.8	0.0
100 baht Thailand	9.0681	10.378	9.8937	10.107	-10.3	2.7	-2.1
100 peso Filipina	6.8131	7.4825	7.3589	7.2959	-6.6	2.6	0.9
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0279	0.0269	0.0269	43.9	4.0	0.1
100 won Korea	0.3665	0.3031	0.3173	0.3106	18.0	-2.4	2.2
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	11.017	10.751	10.743	10.7	2.6	0.1
Renminbi China	0.4591	0.5324	0.5172	0.5323	-13.8	0.0	-2.8

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia